

18/11/2003

Pelbagai pihak kutuk tindakan MPKT

KUALA TERENGGANU: Pelbagai pihak kesal tindakan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT) menurunkan bendera Barisan Nasional (BN) dan Umno yang dipasang bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kelmarin.

Mereka mendakwa ia tidak selaras dengan moto 'Membangun Menurut Islam' yang dilaung-laungkan pemimpin Pas yang memerintah Terengganu.

Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad, berkata tindakan itu tidak wajar kerana kehadiran Perdana Menteri bukan atas tiket Pengerusi BN atau Presiden Umno.

"Abdullah mengadakan lawatan rasmi ke Terengganu dan kita seharusnya gembira kerana menjadi antara negeri terawal menerima kunjungan Perdana Menteri.

"Bagi GPMS, kita tidak boleh menerima apa juga alasan MPKT. Kita sedar MPKT di bawah kerajaan negeri tetapi sepatutnya bertindak lebih profesional," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin Abdullah mengadakan lawatan pertamanya ke Terengganu selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri kelima daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara 31 Oktober lalu.

Bagaimanapun, acara sambutan ketibaan Abdullah nyaris bertukar kecoh apabila kakitangan penguat kuasa MPKT menurunkan bendera yang digantung penyokong Umno di tapak rumah tol di atas Jambatan Sultan Mahmud.

Syed Anuar berkata, Pas seharusnya mengambil inisiatif dengan turut serta menggantung bendera mereka bagi menunjukkan penghormatan.

"Kenyataan Yang Dipertua MPKT kelmarin mengenai pemasangan bendera yang tidak mendapat kelulusan dan keizinan pihak berkuasa tempatan itu sebenarnya lebih bersifat dendam semata-mata," katanya.

Beliau turut mempersoalkan mengenai bendera Pas yang digantung sempena muktamar Pas September lalu tetapi hingga kini dibiarkan berkibaran di beberapa lokasi.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Terengganu, Wan Mohd Albakri Md Noor, berkata MPKT harus menghormati majlis berkenaan kerana diadakan khas untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Beliau yang juga Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia berkata, walaupun kesilapan penganjur tidak mendapatkan kebenaran menggantung bendera dan kain rentang, MPKT boleh mengambil tindakan lebih profesional.

"Untuk menjaga keharmonian sekali gus menunjukkan rasa hormat terhadap Perdana Menteri, mereka boleh mengambil tindakan terhadap penganjur selepas semua atur cara selesai.

"Itu lebih tertib. Tindakan MPKT yang menurunkan bendera dan kain rentang itu seolah-olah mereka tidak memberi kerjasama untuk menyambut pemimpin negara," katanya.

Ahli perniagaan, Istiaq Ahmad, 40-an, berkata kejadian itu tidak sepatutnya berlaku dalam kemeriahan sambutan kedatangan seorang pemimpin negara.

"Kita sewajarnya menghormati Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin negara. Masalah beliau mewakili parti politik yang berlainan adalah perkara kedua.

"Kita seharusnya menghormati beliau sekurang-kurangnya sebagai pemimpin negara," katanya.

Yang Dipertua Persatuan Anak Yatim Terengganu (Perkasa), Yusof Musa menyifatkan tindakan menurunkan bendera BN dan Umno sebagai kurang ajar.

Beliau berkata, MPKT sepatutnya menghormati kunjungan sulung Perdana Menteri ke Terengganu dan tidak membuang bendera sepanjang jalan dilaluinya.

Bekas guru agama, Abdul Rashid Sidi Abdul Latif, 58, berkata MPKT tidak sepatutnya berbuat demikian ketika Abdullah mengadakan lawatan rasmi pertama ke negeri ini.

"Program yang dihadiri Pak Lah di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sawa adalah program rasmi Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat miskin di negeri," katanya.